

# 'PEJUANG kerjasama parti lain bentuk kerajaan negeri'

Calon sesuai sebagai Menteri Besar sudah dipertimbangkan

Oleh Mohamad Fahd Rahmat  
bhnews@bh.com.my

**Kluang:** Tun Dr Mahathir Mohamad tidak menolak bekerjasama dengan parti lain yang 'sebulu' dengannya sekiranya Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) pimpinannya, tidak dapat membentuk kerajaan negeri pada 12 Mac ini.

Pengerusi PEJUANG itu berkata, sekiranya tidak mendapat majoriti mudah melalui 42 calonnya dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor kali ini, pihaknya akan memilih parti yang memperjuangkan prinsip sama.

"Ada parti lain yang sebulu dengan kita, yang pegang kepada prinsip haramkan peperangan, haramkan rasuah, kalau mereka pegang prinsip yang sama, kita rela kerjasama dengan mereka untuk cukupkan bilangan supaya dapat tubuhkan kerajaan.

"Ada dua tiga parti kita belum tentukan parti yang mana," katanya demikian pada sidang media selepas Program Aspirasi Johor di Felda Ayer Hitam, Machap,



Tun Mahathir pada sidang media selepas Program Aspirasi Johor di Felda Ayer Hitam, Machap, semalam.

(Foto Azrul Affandi Sobry/BH)

di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua PEJUANG Johor, merangkap Ahli Parlimen Seri Gading, Datuk Dr Sharuddin Md Salleh yang juga calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, PEJUANG sudah mempertimbang beberapa calon yang sesuai dilantik sebagai Menteri Besar sekiranya memenangi PRN nanti.

"Kita mempunyai beberapa calon bertanding yang mampu pegang jawatan Menteri Besar. Jika kita bagi nama calon Menteri Besar sekalipun, jika calon itu kalah pada PRN Johor ini, mereka tak boleh dilantik juga.

"Sebab itu, kita tidak namakan calon Menteri Besar kita sejak awal lagi. Siapa jadi calon itu bergantung kepada mereka yang menang.

Sementara itu, Presiden PEJUANG, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata Dr Mahathir menyatakan hasrat ingin berkempen pada PRN Johor, walaupun belum pulih sepenuhnya.

Katanya, bapanya mahu bertemu pengundi di Johor dan bukan sekadar menulis nukilan buat pengundi di sana berikutan semangat perjuangannya yang tiada titik noktah.

Mukhriz berkata, Dr Mahathir ingin sama-sama menyumbang kepada pergerakan kempen supra-

ya pengundi di sini faham perjuangan parti itu.

"Kami sebenarnya sangat berhati-hati sebab faktor usia Tun yang meningkat 97 tahun dan baharu sahaja pulih dari sakit dan menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN). Tak (pilih) 100 peratus lagi...dengan masalah COVID-19 lagi.

"Namun, beliau nak sangat turun Johor. Kami sebagai keluarga tentu nak suruh beliau berjaga-jaga. Namun beliau doktor, beliau pun tahu tahap keupayaannya sendiri," katanya selepas melawat Pasar Awam Tangkak bersama calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Tangkak, Muhammad Arel Zabridin.